

Kesilapan Ketara (Jumlah debit dan kredit Imbangan Duga tidak imbang)	
1	Kesilapan pengiraan semasa menyediakan Buku Catatan Pertama, lejar atau Imbangan Duga
2	Kesilapan pindahan sama ada daripada Buku Catatan Pertama ke dalam lejar dan daripada lejar ke Imbangan Duga
3	Merekodkan amaun di bahagian yg sama iaitu di bahagian debit dan kredit
4	Merekodkan pada satu akaun sahaja
5	Merekodkan amaun yang tidak sama di bahagian debit dan kredit

Kesilapan Tidak Ketara (Berlakunya kesilapan tetapi tidak memberi kesan kepada Imbangan Duga (Jumlah debit dan kredit Imbangan Duga seimbang)		
	Jenis kesilapan tidak ketara	Contoh
1	Kesilapan ketinggalan	Belian perabot secara tunai RM400 belum direkod dalam mana-mana buku.
2	Kesilapan komisen	Jualan secara kredit kepada Ai Ling RM4 500 telah direkodkan dalam Akaun Ailena.
3	Kesilapan prinsip	Belian komputer secara tunai RM3 500 untuk kegunaan perniagaan di rekod dalam Akaun Belian
4	Kesilapan amaun	Jualan tunai RM450 direkod sebagai RM4 500 dalam kedua-dua akaun.
5	Kesilapan terbalik atau songsang	Bayaran kepada pembekal telah di debit dalam Buku Tunai dan dikreditkan dalam Akaun Belum Bayar RM1 200
6	Kesilapan saling mengimbangi	Bayaran insurans terlebih rekod RM100 dalam ke dua-dua akaun.

Soalan 1

Kesilapan berikut dikesan oleh Cik Nina seorang kerani akaun Perniagaan Daniel

BIL	URUSNIAGA	JENIS KESILAPAN
1	Jualan RM780 kepada Siew Hui dicatatkan sebagai RM870 ke dalam kedua-dua Akaun Jualan dan Akaun Siew Hui	
2	Belian perabot pejabat bernilai RM960 tersilap debit ke Akaun Belian	
3	Penerimaan cek berjumlah RM1 200 daripada Kedai Nina dikreditkan ke Akaun Kedai Lina	
4	Jualan tunai RM6 700 tidak direkod dalam mana-mana buku	
5	Belian tunai RM1 200 telah didebit dalam Akaun Tunai dan dikreditkan dalam Akaun Belian	
6	Beli perabot secara kredit RM3 200 daripada Syarikat perabot Jati tidak direkodkan dalam mana-mana buku	
7	Gaji RM800 yang dibayar dengan cek telah dikreditkan dalam Akaun Gaji dan di debitkan dalam Akaun Bank	
8	Jualan barang niaga secara kredit bernilai RM2 500 kepada Kedai Aina dicatat dengan betul dalam Akaun Jualan tetapi tersilap rekod dalam akaun kedai Ina	
9	Promosi RM980 telah direkodkan sebagai RM890 dalam Akaun Promosi manakala kadar bayaran RM450 telah direkodkan sebagai RM540 dalam Akaun Kadar bayaran	
10	Belanja membaiki premis RM5 000 tersilap debit dalam Akaun Premis tetapi telah direkodkan dengan betul dalam Akaun Tunai	
11	Belian alatan pejabat RM4 200 dengan cek telah dikreditkan dalam Akaun Alatan pejabat dan didebitkan dalam Akaun bank	
12	Bayar sewa RM800 secara tunai belum dicatat dalam mana-mana buku	
13	Bayaran insurans terlebih kira RM50 dalam Akaun Insurans, manakala komisen diterima juga terlebih kira sebanyak RM50 dalam Akaun Komisen Diterima	

Anda dikehendaki :
Menyediakan Jurnal Am untuk merekodkan pembetulan kesilapan di atas. Penerangan tidak diperlukan.

1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
11				
12				
13				